

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1995/96

April 1996

AOP352 - PERNIAGAAN ANTARABANGSA

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA (2)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.

Soalan 1

Malaysia telah menerima banyak pelaburan asing (FDI) sejak 1987.

(a) Bincangkan faktor-faktor yang menyebabkan aliran masuk FDI ini ke Malaysia.

[12 markah]

(b) Apakah kebaikan dan keburukan pelaburan asing ini bagi Malaysia?

[13 markah]

Soalan 2

(a) Bezakan antara rantau perdagangan bebas, kesatuan kastam dan pasaran bersama (common market).

[12 markah]

(b) Mengapa negara-negara ASEAN sedang merundingkan untuk mengwujudkan rantau perdagangan bebas dan bukan kesatuan kastam?

[13 markah]

...2/-

Soalan 3

Andaikan sebuah syarikat dari Chile telah menunjukkan minat untuk mengadakan hubungan perniagaan dengan syarikat anda yang mengeluarkan barangan getah seperti sarung tangan dan sebagainya. Apakah persediaan yang perlu dibuat oleh syarikat anda dalam tempoh (a) jangka pendek, dan (b) jangka panjang.

[25 markah]

Soalan 4

Pada masa kini, banyak firma antarabangsa telah "outsource" kerja-kerja pembuatan masing-masing.

(a) Mengapa ini berlaku?

[12 markah]

(b) Bincangkan masalah-masalah yang akan timbul daripada strategi ini di dalam persekitaran antarabangsa.

[13 markah]

Soalan 5

Anda telah dilantik sebagai penolong pengurus pemasaran bagi syarikat Projek Lebuhraya Utara Selatan Bhd. (PLUS). Pengurus anda telah meminta anda mengkajikan peluang-peluang antarabangsa bagi syarikat ini. Bincangkan langkah-langkah yang anda akan ambil untuk menyempurnakan projek ini.

[25 markah]